

Soalan No: 58

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**

**TARIKH : 1.8.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kedudukan dan status terakhir pembinaan sekolah-sekolah seperti SMK Gum- Gum, SMK Libaran dan Sekolah Seni Malaysia Sabah, Libaran memandangkan sekolah-sekolah tersebut amat dinantikan oleh rakyat Sabah terutamanya di Libaran.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini pembinaan SMK Gum Gum adalah pada peringkat pelantikan perunding. Manakala pembinaan SMK Libaran dijangka akan dimulakan pada Oktober 2017. Persediaan tender sedang dilaksanakan di peringkat Kementerian.

Projek pembinaan Sekolah Seni Sabah telah dimohon dalam Rolling Pelan 3, RMKe-11 Tahun 2018 - 2019. Walau bagaimanapun kelulusan bagi permohonan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak EPU, JPM dan kemampuan kewangan negara.

## SOALAN ( 59 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 OGOS 2017 [ SELASA ]

DARIPADA : YB DR. IZANI BIN HUSIN  
[PENGKALAN CHEPA]

SOALAN :

**YB DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani peningkatan kadar inflasi yang menyebabkan rakyat semakin terbeban dengan peningkatan kos sara hidup.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Harga Pengguna (IHP) iaitu proksi bagi kadar inflasi nasional mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1 peratus pada tahun 2016. Bagi tempoh Januari-Mei 2017 pula, kadar inflasi telah meningkat sebanyak 4.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas, kesan peningkatan dalam indeks pengangkutan sebanyak 15.7 peratus. Kos pengangkutan bagi harga runcit petrol RON 95 dan diesel masing-masing naik sebanyak 9.9 peratus dan 19.2 peratus. Kadar kenaikan yang tinggi ini disebabkan penguncupan harga produk petroleum pada tempoh yang sama tahun lepas, di mana harga runcit petrol RON 95 jatuh sebanyak 9.1 peratus dan diesel sebanyak 21.8 peratus.

Namun, Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Jawatankuasa Dasar Monetari dalam mesyuaratnya yang terkini pada 13 Julai 2017 menjangkakan kadar inflasi akan mengalami penurunan bagi tempoh separuh kedua tahun 2017. Ini disebabkan oleh kesan faktor inflasi dunia yang semakin berkurangan berikutan harga bahan api yang

menyederhana di pasaran antarabangsa. Dengan itu, BNM menjangkakan kadar inflasi bagi keseluruhan 2017 berada dalam lingkungan 3 – 4 peratus.

Antara langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani kos sara hidup termasuklah:

- Meneruskan bantuan langsung kepada kumpulan sasar termasuklah menambah baik program Bantuan Rakyat 1Malaysia, meneruskan pemberian bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah;
- Menambah bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan. Contohnya, pada masa kini terdapat 185 buah Kedai Rakyat 1Malaysia;
- Membuka lebih banyak pusat pembekalan produk pertanian yang segar pada harga yang berpatutan. Contohnya, pada masa kini terdapat lima buah *MyFarm Outlet* dan 11 pasar tani kekal yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih;

- Meningkatkan lagi penguatkuasaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang melibatkan tujuh musim perayaan di Malaysia dengan lebih 25 jenis barangan terpilih;
- Meningkatkan lagi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi bertindak terhadap aktiviti pencatutan; dan
- Meliberalisasikan kawalan kuota import atau AP, bagi lapan produk pertanian terpilih untuk tempoh sementara bagi memastikan bekalan yang konsisten bagi produk pertanian seperti biji kopi mentah, daging kerbau, lembu dan kambing.

Sekian. Terima kasih.

1 Ogos 2017